

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 34 RABU 20 OGOS, 1969 1389 رابو 6 حمادي الاخير PERCHUMA

MAJLIS KESHUKORAN PUJA USIA

D.Y.M.M. ANJORAN PENGHULU2 DAN KETUA2 KAMPONG

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada malam Ahad lepas telah berangkat berchemar duli ka-Madrasah Jabatan Hal-Ehwal Ugama, kerana menghadhiri santap sarapan bersirak di-mana Baginda juga telah menyampaikan titah ucapan.

Majlis tersebut ada-lah di-anjorkan oleh Penghulu2 dan Ketua2 Kampung di-Daerah Brunei dan Muara khusus kerana menyebarkan ucapan keshukoran ulang tahun Keputeraan Baginda yang ke-23 tahun dan atas selamat-nya Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri meluaran sa-orang puteri baru2 ini.

Ucapan keshukoran itu telah di-sembahkan oleh Yang Di-Muliakan Pehin Khatib Haji Awang Junid bin Jamaluddin selaku wakil penghulu2 dan ketua2 kampung.

Di-samping bershukor atas puja usia Baginda dan selamat-nya Baginda Raja Isteri meluaran sa-orang puteri, Penghulu2 dan Ketua2 Kampung itu juga menyebarkan ikrar taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Baginda dan Kerajaan Baginda.

Penghulu2 dan Ketua2 Kampung itu juga menyatakan keshukoran mereka atas ranchangan2 dan projek2 Kerajaan sama ada yang telah, sedang dan akan di-laksanakan yang mereka yakin semua-nya itu ada-lah semata2 untuk kebahagiaan raayat.

Mereka sepandapat menyebarkan bahawa dari ranchangan2 itu raayat dan penduduk negeri ini telah benar2 menikmati-nya dalam berbagai2 bidang yang menyebabkan seluroh raayat sentiasa dalam keadaan kebahagiaan.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-majlis (LIHAT MUKA 8)

D.Y.M.M. ketika melafadzkan titah bagi membalas sembah ucapan keshukoran dari Penghulu2 dan Ketua2 Kampung. Kelihatan di-sebelah kanan Baginda ia-lah D.Y.T.M. Paduka Seri Bagawan Sultan dan Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Temenggong.



D.Y.M.M. kelihatan sedang turun dari pesawat hovercraft sa-jurus ketibaan Baginda di-pangkalan Laut Pasokan AMDB untuk menyaksikan pertunjukan hovercraft.

D. Y. M. M. saksikan pertunjukkan hovercraft di-Pangkalan Laut AMDB

MUARA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei pada hari Isnin lepas telah berchemar duli ka-pangkalan Angkatan Laut Pertama Askar Melayu Di-Raja Brunei untuk menyaksikan pertunjukkan hovercraft jenis SRN 6 dari Squadron Hovercraft R. C. T., Tentera British yang berpangkalan di-Singapura.

Duli Yang Maha Mulia telah di-sertai oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan.

Duli Yang Maha Mulia dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Bagawan Sultan telah berangkat ka-Muara dengan menaiki pesawat hovercraft dari Istana Darul Hana.

Sa-masa pertunjukkan itu Duli Yang Maha Mulia telah di-beri penerangan oleh Captain R. Macmillan, sa-orang pegawai squadron itu mengenai kegunaan pesawat tersebut, kebolehan-nya dan alat senjata-nya.

Antara yang hadir dalam pertunjukkan itu ia-lah Ketua Surohanjaya Tinggi British di-Brunei, Awang E. W. Bird, Pesuruhjaya Kemajuan, Pemangku Pengarah Laut, dan pegawai2 dari Pasokan Askar Melayu Di-Raja dan Pulis Di-Raja Bunei.

Tiga hadhiri sidang Budaya Asia Tenggara

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang perwakilan Brunei dijadualkan bertolak ka-Malaysia Barat pada 25 Ogos ini untuk menghadiri sidang Budaya Asia Tenggara yang akan berlangsung pada 27 Ogos ini di-Dewan Tengku Chancellor Kuala Lumpur.

Perwakilan Brunei itu ialah Awang Mahmud bin Haji Bakyr, Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, kedua2-nya mewakili Kerajaan dan Awangku Mohammad Yusof bin Pengiran Anak Hashim, mewakili Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Persidangan yang akan berjalan sa-lama tiga hari itu pembukaan rasmi-nya akan dilakukan oleh Perdana Menteri Malaysia Tengku Abdul Rahman Putera Al-Haj.

Sa-ramai 34 orang perwakilan dari 11 buah negara akan menyertai sidang itu. Diantara negeri2 yang akan mengambil bahagian ialah Malaysia, Brunei, Thailand, Kemboja, Ceylon, India, Filipina, Britain, Jerman Barat, Perancis dan Amerika.

Persidangan yang dianjurkan oleh Persatuan Pengajian Asia Chawangan Malaysia itu bertujuan untuk membolehkan perwakilan itu membincangkan masa'alah2 yang berhubung dengan kebudayaan di-rantau Asia.

Pertunjukkan Wayang Kulit, tarian drama dan pencharagam asli akan di-tunjokkan sa-lama tiga malam berturut2 untuk peserta2 sidang itu.


Tiga hadhiri ka-Perhimpunan Belia Sa-Dunia

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Agong Tertinggi Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awang Yakob bin Ahmad dan Awang Yahya bin Mohd. Yusof telah berlepas ka-Belgium pada minggu lepas untuk menghadiri perhimpunan Pertubohan Belia Sa-Dunia yang ke-tujuh di-Liege.

Perhimpunan yang bermula pada 18 hingga 28 Ogos itu ada-lah anjoran Pertubohan Belia Sa-Dunia — WAY.

Kedua2 wakil Brunei itu juga di-sertai oleh Naib Yang Di-Pertua, M.B.B., Awang Jaya bin Abdul Latif yang terdahulu dari itu telah menghadiri persidangan pemimpin2 belia2 sa-Asia di-German Barat.

Perhimpunan Belia Sa-Dunia di-Liege, Belgium itu antara lain akan membincangkan satu kertas kerja yang bertajok 'Belia Dalam Pergerakan (Youth on the move)' yang



Gambar menunjukkan bangunan Museum Brunei yang sedang dalam pembenaan di-ambil dari udara.

BANDAR BRUNEI. — Kira2 60 peratus dari kerja2 pembenaan ka-atas bangunan Museum Brunei telah selesai.

Pembenaan bangunan Museum yang terletak di-pinggir bukit menghala ka - Sungai Brunei di-Kota Batu itu telah di - mulakan dalam pertengahan tahun lepas.

Penyelenggara Museum Brunei, Pengiran Sharifuddin berkata, bangunan yang menelan belanja lebih dari \$4 juta itu di-jadualkan siap dalam bulan Mach tahun hadapan. Tetapi walau bagaimanapun museum itu tidak akan di-buka kepada orang ramai sa - hingga bulan September.

Beliau menegaskan ini adalah memberikan kaki-tangan

museum menyediakan barang2 untuk di-pamerkan.

Pengiran Sharifuddin menambah, kelambatan itu adalah atas kesukaran hendak memperolehi barang2 yang sesuai untuk di-jadikan latar belakang bagi barang2 yang akan di-pamerkan itu.

Museum tersebut mempunyai tiga tingkat. Tingkat pertama ia-lah untuk pejabat2 pentadbiran, perpustakaan, sektor dan strong room, bilek un-

tok jentera hawa dingin, bilek makmal, bilek taxidermi, bilek penyiasat dan lain2 bahagian.

Tingkat kedua dan ketiga akan merupakan tempat2 untuk pameran.

Tingkat kedua itu juga akan di-khaskan untuk Sharikat Minyak Shell Brunei bagi mempamerkan segala aspek yang berkaitan dengan perusahaan minyak termasuk sejarah, pasaran dan kegunaannya.

Bintang Radio perangkat Daerah Brunei—Muara 29 Ogos

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Bintang Radio perangkat Daerah Brunei/Muara

akan di-adakan di - Dewan Raya, Penyiaran dan Penerangan, dan Dewan Bahasa dan Pustaka pada 29 Ogos, 1969 mulai jam 7.30 malam.

Sa-ramai 20 orang peserta termasuk 8 orang wanita akan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Mereka ia - lah: Awang Morshidi H. S. Abu Bakar Metali, Ak. Yunus Pg. Haji Ahmad, Ak. Emran Pg. Manai, Ak. Shahbuddin Pg. Ahmad, A Alias bin Haji Omar.

Awang Mohamed H. M. Yassin, Morris Lynn, Ak. Zaidi Pg. Damit, Hamidon bin Metussin, M. Jaafar A. Wahab, Matussin bin Ahmad, Dk. Safiah bte Pg. Suhaili, Dayang Rohani bte Harris.

Aminah Md. Yassin (173). Hasnah bte Ahmad, Siti Ajar Manaf, Malai Narimah Sh. Othman, Azadah Awang Besar dan Dayang Siti Mariam Yusoff.

Orang ramai ada-lah di-persilakan untuk menyaksikan pertandingan itu.



Awg. Yakob Ahmad

mengandungi tajok2 kecil antara lain:

Perubahan belia dan sosial, belia dalam pemberontakan, belia dalam perkara mengambil sa-suatu keputusan, tugas belia di-masa akan datang dan

pertubohan belia sa-dunia dalam tahun tujuh puluhan.

Wakil2 Brunei itu juga akan mengemukakan satu cadangan di - perhimpunan itu untuk meminta Pertubohan Belia Sa-Dunia supaya menganjorkan satu kursus pimpinan Sharikat Kerjasama Belia bagi wilayah Asia.

Perkara ini ada-lah mustahak memandang kapada banyak-nya kedai2 sharikat belia yang berselirak di - Negeri Brunei pada masa ini.

Tambahan pula Belia2 Brunei pada masa ini terkenal di kalangan belia2 Sa-Dunia dengan gerakan Sharikat Kerjasama mereka.

Pertubohan Belia Sa-Dunia dalam perhimpunan-nya tahun lalu juga pernah mengesa pertubohan belia2 di-Asia dan timor jauh supaya menchunthoi Belia di-Brunei dalam melaksanakan projek sharikat kerjasama.

Segala bidang kemajuan hendak-lah di-laksanakan menurut asas2 kebudayaan

PADA 2 haribulan Ogos 1969 yang lalu Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei telah melafadzkan titah di - majlis sambutan Hari Keputeraan Baginda anjoran Persatuan Penuntut2 Brunei di-United Kingdom. Titah Baginda itu ada-lah seperti berikut:

"Ilmu pengetahuan yang tertinggi, teknologi yang bergeliga, pendapat2 yang gemilang lapadz munasabah dan munafaat dan melailakan bentok laila kesenian negeri kita ini akan menjadi kabor dan tumpol jika tidak di-laksanakannya menurut asas2 kebudayaan sa-suatu masharakat di-mana2 jua atau di-satu2 negeri atau negara2 baik".

Titah Baginda itu menekankan bahawa segala kemajuan dalam segala bidang hendaklah di-laksanakan menurut asas2 kebudayaan yang sesuai dengan sa-suatu keadaan kerana kalau tidak ada-nya persesuaian itu maka hasil-nya tidak-lah sa-berapa atau pun akan kabor dan tumpol.

Menyentuh hal ini nampak-nya rumusan Seminar Pendidikan anjoran Majlis Belia2 Negeri Brunei ada-lah bersesuaian dengan titah Baginda itu yang mana seminar itu telah merumuskan antara lain seperti berikut:—

"Lunas atau tujuan dasar pelajaran dan pendidekan bagi negeri Brunei antara lain hendaklah mengandungi ia-itu mengujudkan satu bentok bangsa dan negara Brunei yang berdaulat di - kalangan dunia international serta mengekalkan sistem pemerentahan bersultan yang menjadi teras kebudayaan bangsa dan negara Brunei Darus Salam serta menjadikan sa-tiap raayat berakhlak tinggi yang berfalsafah Brunei Darus Salam dan bertanggung - jawab kepada bangsa - nya dan negara-nya terdidek dengan fahaman yang sesuai dengan dasar yang menjadikan Ugama Islam sa-bagai Ugama Rasmi negara.

Perlaksanaan kemajuan menurut asas2 kebudayaan yang sesuai dengan masharakat di-Brunei ini ada-lah sangat penting di-fikirkan perkara2 yang menjadi asas2 pelajaran yang di-sampaikan di-sekolah khas-nya di-perengkat permulaan dan di - perengkat menengah rendah.

Menyentuh hal ini juga Seminar Pendidikan itu telah mensharatkan ia-itu satu teras

KHUTBAH JUMA'AT

"Satu teras kebudayaan dan adat istiadat yang bersifat Brunei mesti-lah di-susun dan penyaloran-nya hendak-lah di-bentok melalui sekolah2"

kebudayaan dan adat istiadat yang bersifat Brunei mesti-lah di-susun dan penyaloran-nya hendak-lah di-bentok melalui sekolah2 serta pengkajian sejarah dan ilmu alam mesti-lah lebeh banyak di-tumpukan kepada negeri ini sa-bagai asas untuk memahami keadaan2 negeri luar — dan pelajaran sivik hendak-lah di-adakan sa-bagai satu mata pelajaran dengan tujuan membentok kepribadian kebangsaan.

Dalam majlis itu juga Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan telah bertitah seperti berikut:—

"Beta kerap kali menegaskan dan berchita2 supaya laila penuntut2 menumpukan tenaga dan usaha bagi menuju dan melaksanakan Islam sa-bagai satu idealogi negara".

Titah Baginda itu di-antara lain akan dapat di-laksanakan dengan sungguh2 melalui sekolah2 dengan tidak berkechuali. Nampak - nya ada persesuaian antara rumusan Seminar Pendidikan dengan titah tersebut ketika ia merumuskan bahawa satu jenis pendidekan yang sesuai dengan negeri ini hendak-lah menjadi-

kan pelajaran Ugama Islam sa-bagai satu mata pelajaran yang wajib di-ambil oleh penuntut2 dari sekolah rendah hingga sekolah tinggi bagi mendukung idealogi negara.

Hasrat dan chita2 Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan sangat-lah tinggi untuk mengujudkan negara dan raayat Brunei yang maju dan berilmu pengetahuan menurut asas2 kebudayaan yang telah di-warithi serta menjadikan



dan melaksanakan Islam sa-bagai idealogi negara.

Oleh itu kita umat Islam hendak-lah menyedari akan hakikat ini dan berusaha untuk menyahut seruan Baginda yang berkebakikan itu serta menyahut seruan yang sademikian ada-lah merupakan ta'at setia dan di-suruh oleh Ugama kita yang maha suchi.



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 20 Ogos, 1969 hingga ka-hari Selesa 26 Ogos, 1969 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
20 Ogos		12-29	3-47	6-37	7-48	4-43	4-57	6.15
21 Ogos		12-27	3-45	6-35	7-48	4-42	4-57	6.15
22 Ogos		12-27	3-45	6-35	7-48	4-42	4-57	6.15
23 Ogos		12-27	3-45	6-35	7-48	4-42	4-57	6.15
24 Ogos		12-27	3-45	6-35	7-48	4-42	4-57	6.15
25 Ogos		12-27	3-45	6-35	7-48	4-42	4-57	6.15
26 Ogos		12-26	3-43	6-33	7-44	4-42	4-57	6.14

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-selutroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

6,000 saksikan Apollo Sebelas

BANDAR BRUNEI. — Kira 6,000 orang, kebanyakan-nya murid2 sekolah telah menyaksikan filem Apollo Sebelas pada hari Khamis lepas.

Apollo Sebelas ia-lah filem yang mengesahkan pengembaraan tiga orang angkasan Amerika ka-Bulan dan telah ditayangkan di-Dewan Raya, Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Filem tersebut di-terbitkan oleh Perkhidmatan Penerangan Amerika Sharikat. Ia-nya di-buat 'Video-tape' siaran asal dan memakan masa sa-lama 30 minit.

Gambar atas menunjukkan sa-bahagian dari orang ramai sedang berebut2 masuk ka-Dewan Raya untuk menyaksikan filem tersebut.



20, Ogos, 1969

PERLU-NYA**FIKIRAN****YANG TENANG**

UNTOK memperkukuhkan dan memperelokkan serta mempercepatkan perjalanan rancangan2 kemajuan kita, Kerajaan terpaksa membuat beberapa keputusan2 yang tegas dengan berasaskan kepentingan2 dan hak2 raayat serta negara.

Dalam zaman pembangunan kita ini tentu sekali berbagai2 masalah terpaksa-lah kita atasi bukan sahaja bagi faedah kita sekarang tetapi juga untuk menyanangkan keturunan2 kita yang akan datang.

Kenyataan di-atas ada-lah merupakan penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam menghadapi berbagai2 masalah yang di-hadapkan kepada Kerajaan dan kenyataan ini di-petik dari ucapan beliau ketika merasmikan persatuan KUJAGA.

Tidak shak lagi bahawa kenyataan sa-demikian ada-lah semata2 di-tujukan kepada seluroh raayat negeri ini agar sama2 menyedari akan tanggung-jawab masing2, di-samping mempraktikkan chara berfikir yang tenang dan tidak "gerusoh2" menjalankan langkah2 yang mereka hendak laksanakan.

Menjalankan sa-suatu perkara dengan chara yang luar dari ketenangan berfikir dan lebeh2 lagi jika dalam bendongan rasa yang terlalu keakuan atau lebeh tegas lagi mengangap diri sentiasa dalam kebenaran dan kebijaksanaan adalah satu chara yang tidak mungkin menimbulkan kebajikan.

Sekarang kita di-Brunei telah memasuki ka-jambangan kemajuan moden yang semakin pesat yang melingkari alam kehidupan raayat. Dan kemajuan itu jika tidak di-bekalkan dengan ketegasan2 yang berasaskan kepentingan2 dan hak2 raayat serta negara, maka ia-nya tidak akan membawa arti di-kalangan dunia antara bangsa.

Jika kita benar2 mau menyangingi negara2 yang terdahulu maju dari kita atau sa-kurang2-nya taraf kemajuan yang di-chapai mereka itu tidak jauh beda2-nya dengan yang kita chapai, maka ada-lah satu chara yang baik untuk kita menchermini negara2 yang sudah maju itu. Ini ada-lah haki kat yang menjadi pegangan kepada negara2 yang baru berkembang.

Satu penjelasan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang amat menarik untuk diperhatikan oleh pengeluar2 papan tempatan. Penjelasan beliau itu ada-lah tidak keterlaluan, malah penjelasan itu merupakan satu ketegasan yang patut di-hormati.

Memang lojik bahawa apa perkara pun jika tidak ada pada kita atau kita tidak mampu mengadakan-nya, maka sudah tentu kita minta bantuan dari luar.

Sebab itu-lah amat penting bagi kita untuk sama2 menyumbangkan fikiran2 yang tenang demi perpaduan dan kebahagiaan kita bersama.

Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei di-Majlis Keshukoran anjoran Penghulu2 dan Ketua2 Kampong di-Madrasah J.H.E.U. pada 16 Ogos 1969

BETA bershukor ka-hadhrat Allah subhanahuwata'ala kerana di-atas limpah dan kornia-nya maka dapat-lah beta hadhir bersama2 di-majlis pada malam ini. Beta juga mengucapkan terima kaseh khusus-nya kepada penghulu2 dan ketua2 kampong di-Daerah Brunei dan Muara di-atas daya usaha mereka mengadakan jamuan pada malam ini yang mana semata2 bertujuan untok menyembahkan rasa keshukoran atas puja usia beta yang ke-23 tahun.

Awang2 sekalian, dalam mengikuti ucapan penghulu2 dan ketua2 kampong daerah Brunei dan Muara sa-bentar tadi, alhamdulillah beta merasa sukachita apabila di-fahamkan yang rayat beta di-luar bandar telah dapat menikmati berbagai2 kemudahan yang telah di-usahakan oleh Kerajaan beta, dan kenyataan tersebut adalah merupakan suatu pengakuan bahawa usaha2 kerajaan beta sesuai dengan dasar yang di-amalkan-nya telah dapat membawa keadaan rayat beta di-luar bandar pada suatu keadaan yang lebeh sempurna laila sejahteraan dan yang diperlukan oleh mereka dan pada melailakan kesan zaman untok kebahagiaan, kebajikan dan kesentosaan bagi kita menempoh zaman ka-

zaman, bagi membolehkan kerajaan beta mengusahakan berbagai2 kemudahan yang sedang dan akan di-selenggarakan dari sa-masa kasesama maka suka-lah beta menasihatkan supaya raayat beta akan sentiasa menaruh keperchayaan yang penoh serta menchurahkan segala kerjasama supaya rancangan2 laila usaha bagi kebahagiaan negeri kita Brunei yang di-atorkan itu dapat di-laksanakan dengan baik dan dapat pula di-nikmati dalam jangka panjang laila waktu yang di-redzai Tohan Allah Subhanahu-wata'ala.

Ada-lah menjadi tanggung jawab kepada penghulu2 dan ketua2 kampong supaya sentiasa berusaha dan menchari jalan untok memberi nasihat dan pandangan yang baik kepada anak buah masing2 supaya mereka itu dapat memahami akan tujuan yang beta sebutkan tadi, dengan ada-nya daya usaha dari pehak Awang2 maka segala pandangan yang terdapat pada anak buah Awang2 itu Insha Allah tidak terkeluar dari kenyataan2 yang sa-benar-nya.

Awang2 Sekalian,

Segala usaha yang di-tumpukan bagi faedah pembangunan negara Brunei Darusalam yang kita cintai ini telah menjadi asas sa-lain daripada faktor2 yang ada, ketenteraman dan keharmonian di-kalangan raayat sa-bagai mana yang terdapat pada masa ini hendak-lah di-pelihara dengan sa-penoh-nya. Ada-lah menjadi kewajipan kepada se-

luruh raayat dengan tibak mengira bangsa dan ugama supaya sentiasa berusaha untok mengekalkan keamanan, chintakan hidup laila mewah dan terselamat serta bersungguh2 memancharkan chahaya mutu laila maruah nama baik Brunei Darusalam yang kita kasehi ini. Mudah2an segala usaha pembangunan yang sedang giat di-laksanakan pada masa ini tidak tergendala, dengan ada-nya keamanan dan perhubungan baik di-kalangan raayat dan penduduk negeri ini saperti menyahut usaha2 kebajikan dan usaha2 pembangunan yang bentok - nya laila sejahtera khusus-nya untok faedah raayat dan penduduk negeri utama atau afhdhal khusus-nya bagi usaha yang benar2 untok laila munafaat kepada negeri termasuk raayat, penduduk dan laila isi di-dalam-nya. Dengan jalan ini kerajaan beta akan dapat melaksanakan usaha2 kebajikan dan faedah bagi kesentosaan negeri Brunei dengan baik-nya.

Pada mengakhiri ucapan beta, beta sukachita mengingatkan kepada penghulu2 dan ketua2 kampong di-seluruh negeri Brunei supaya pada menjalankan tanggung jawab Awang2 sa-bagai penghulu2 dan ketua2 kampong hendak-lah sentiasa berhubung dengan pegawai2 kerajaan beta yang berkenaan, menghadapkan kesulitan2 anak2 buah Awang2 jika mustahak supaya kerajaan beta dapat mengatasi-nya. Demikian juga jika ada atau berlaku sa-suatu keadaan yang tidak di-ingini yang akan menchemarkan nama baik kampong2 atau kampong yang mana Awang2 menjadi penghulu dan ketua kampong itu hendak - nya atau sa-mesti-nya lah Awang2 sa-bagai penghulu dan ketua kampong memberi tahu pehak yang berkenaan dengan tidak lingah ya'ani dengan segera.

Sekian terima kaseh.

Dua orang penuntut Brunei lulus ijazah tertinggi

BANDAR BRUNEI. — Dua orang penuntut Brunei telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-telah mendapat ijazah dari universiti di-United Kingdom.



Awang Lim Jock Seng.

Pasokan AMDB pertahankan kejohanan

BANDAR BRUNEI. — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei telah mempertahankan kejohanan-nya sa-bagai johan terhandal dalam perlawanan terek tali perengkat akhir yang telah berlangsung di - padang besar Bandar Brunei pada hari Ahad lepas.

Perlawanan tersebut di-anjorkan oleh Persatuan Angkatan Tunas Harapan—PATUH bersempena menyambut hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ke-23 tahun.

Perlawanan yang bermula pada hari Jumaat itu telah di-rasmikan oleh Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Seruddin.

Sa-banyak 18 pasokan telah mengambil bahagian dalam perlawanan tersebut.

Keputusan2 penoh ada-lah sa-perti berikut:—

Johan Terhandal bagi Daerah Brunei Muara ia-lah Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Bahagian Jabatan2 Kerajaan: Johan — Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei dan naib johan Kerja Raya Bahagian Bangunan.

Bahagian Persatuan2 Belia: Johan — Persatuan KEMUKA dan naib johan Persatuan IKLAS.

Bahagian Kampong2 Johan — Kampong Burong Pinggai dan naib johan Kampong Pengiran Si-Raja Muda.

Bahagian Sharikat2 Perniagaan: Johan — Sharikat Penjual Ikan Pasar, Brunei dan naib johan Sharikat Haji Ibrahim.

Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei itu juga telah di-pilih untuk mewakili Daerah Brunei-Muara ka-perlawanan terek tali kejohanan sa-negeri yang akan diadakan tidak beberapa lama lagi.

Mereka ia-lah Awang Lim Jock Seng dan Awang Malai Ali bin Malai Othman.

Awang Lim Jock Seng mendapat ijazah Serjana Muda Sains dalam bidang ekonomi dari Universiti College, Swansea di-Wales.

Awang Lim Jock Seng telah mendapat keutamaan dalam ilmu Kemasyarakatan dan Sosial Kemanusiaan.

Malai Ali pula telah lulus dalam jurusan kejuruteraan electronic dan letrik di-Maktab Technology Lanchester di-Coventry dengan mendapat ijazah Serjana Sains Kehormat.

Kedua2 penuntut itu dihantar ka-United Kingdom atas biasiswa kerajaan Brunei.

Awang Lim Jock Seng ia-lah bekas penuntut sekolah St. Michael, Seria dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Malai Ali ia-lah bekas penuntut Maktab Anthony Abell, Seria.

Awang Lim Jock Seng akan berkhidmatan dengan Museum Brunei sementara Malai Ali akan melanjutkan pelajarannya untuk mendapatkan ijazah Master of Science dalam jurusan kejuruteraan letrik.

JOHAN2 BINTANG RADIO BELAIT



Gambar atas menunjukkan empat orang penyanyi dari Daerah Belait yang telah di-pilih bagi mewakili daerah itu ka-Pertandingan Bintang Radio Perengkat Seluruh Negeri yang akan di-adakan di-Bandar Brunei dalam bulan September hadapan.

Mereka ia-lah (dari kiri) Awang Sulaiman bin Udin, Dayang Zaiton bte Mohammad Ali, Dayang Sarah Muhammad dan Awang Hassan Ibrahim.

Penyanyi2 itu telah di-pilih dalam pertandingan Bintang Radio Perengkat Daerah Belait yang telah berlangsung di - Dewan Kemasyarakatan Kuala Belait pada hari Sabtu lepas.

Sa-ramai 14 orang peserta telah mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan itu telah di-rasmikan oleh Pemangku Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Matnoor Mac-Afee dan hadiah2 telah di-sampaikan oleh isteri beliau, Datin Fatimah bte O. K. K. Abdullah.

Pertandingan Bintang Radio bagi Perengkat Daerah Temburong akan di-adakan pada 22 Ogos, ini.

Tiga orang guru berkursus di-U.K.

BANDAR BRUNEI. — Tiga orang guru telah berlepas ka-United Kingdom pada hari Sabtu lepas untuk menjalani kursus di-universiti2 di-sana.

Mereka ia-lah Awang Abdul Halim bin Kunchol, Awang Abdul Rahman bin Metali dan Awang Zainal Abidin bin Mahari.

Awang Abdul Rahman akan menjalani kursus bagi guru2 besar dan pentadbir di-University of Birmingham. Awang Zainal Abidin akan menjalani kursus dalam seni lukis dan pertukangan Brighton College of Arts, dan Awang Abdul Halim akan menjalani kursus sa-bagai pensharah di-University of Bristol Yayasan Pendidekan.

Awang Abdul Rahman dan Awang Zainal Abidin di-hadiahkan biasiswa Kerajaan sementara Awang Abdul Halim mendapat biasiswa dibawah ranchangan Latehan Guru2 Commonwealth.



Pasokan Askar Melayu Di-Raja yang telah berjaya menyandang gelaran johan terhandal sa-lama dua tahun berturut2.

Dua orang wakil Brunei ka-sidang ECAFE

BANDAR BRUNEI. — Awang Yahya bin Haji Harris, sa-orang pegawai pentadbir di-Jabatan Kemajuan telah berlepas ka-Singapura pada hari Isnin lepas untuk mengahdhi sidang Pusat Pertukangan Asia di-republik itu.

Sidang tersebut ada-lah dibawah naungan Surohanjaya Ekonomi bagi Asia dan Timor Jauh — ECAFE dan akan berjalan sa-lama empat hari. Sidang itu bermula hari ini.


Dalam sidang itu, Awang

Yahya di-sertai oleh Pengiran Idriss bin Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad yang terdahulu dari itu berlepas ka-Singapura untuk memerhati Pesta Lumba Bernang di-republik itu.



Peserta2 lumba 50 meter bahagian lelaki terbuka ketika hendak memulakan perlumbaan.

Lumba bernang 24 jam memperoleh kejayaan



Achара pada hari itu di-mulakan dengan meniup 23 batang lilin oleh 23 orang bagi menandakan Puja Usia D.Y.M.M. yang ke-23 seperti kelihatan dalam gambar atas.

BERAKAS. — Peraduan Lumba bernang berganti2 selama 24 jam telah di-adakan di-kolam bernang Berakas pada 27 Julai lalu.

Peraduan tersebut ada-lah kemunchak dari 20 achара perlumbaan bernang yang telah di-adakan sa-bagai salah satu achара sambutan hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei yang ka-23 tahun.

Perlumbaan itu ada-lah julong2 kali-nya di-adakan di-negeri ini dan di-anjorkan oleh Majlis Belia2 Negeri Brunei.

Sa - banyak enam buah pasokan telah mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Pasokan Kolam Bernang yang pertama telah memenangi

perlumbaan itu dengan 1,222 pusingan; naib-johan ia - lah pasokan kolam bernang yang kedua dengan mendapat 1,218 pusingan dan ketiga Persatuan INSAP dengan memperoleh 1,214 pusingan.

Gambar2 M.B.B., kiriman Ak. Haji Mohammad bin Pg. Haji Chuchu.

Pertandingan Talentime 1969

BANDAR BRUNEI. — Pertandingan Talentime 1969 anjoran Radio Brunei Bahagian Inggeris akan di-adakan dalam bulan September hadapan.

Penerbit Pertandingan Talentime 1969, Awang Andrew Phan menyeru penyanyi2 tempatan yang ingin memasuki pertandingan itu supaya menghantar permohonan2 mereka dari sekarang.

Peserta2 mesti-lah tinggal di-Brunei tidak kurang dari enam bulan sa-belum tarikh pertandingan itu.

Pertandingan itu akan di-bahagikan kepada tiga bahagian ia-itu nyanyian perseorangan lelaki dan wanita serta nyanyian kumpulan.

Peserta yang ingin mengambil bahagian hendak-lah menghantarkan gambar diri sendiri atau kumpulan dan semua permohonan hendak-lah di-hantar melalui surat berdaftar.

Semua permohonan hendak-lah di-hantar kepada Penerbit Pertandingan Talentime 1969, Radio Brunei, Brunei tidak lewat dari 14 September, 1969.

Borang2 masok boleh diperolehi dari Jabatan Penyariran dan Penerangan di-Bandar Brunei dan Kuala Belait.

Brunei akan sertai perlawanan Piala Borneo

BANDAR BRUNEI. — Brunei akan menyertai perlawanan bola sepak bagi merebut Piala Borneo yang akan di-adakan di-Kuching, Sarawak lewat bulan ini berikutan dengan penerimaan negeri ini sa-bagai anggota Persekutuan Bola Sepak Asia — AFC dan Persekutuan Bola Sepak Antara Bangsa.

Brunei pada mula-nya tidak di-benarkan menyertai perlawanan tersebut oleh kerana ia-nya bukan menjadi anggota persekutuan2 tersebut.

Setia Usaha Persatuan Bola Sepak Amateur Brunei, Pengiran Idriss bin Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar, Haji Mohammad telah pun menerima sa-puchok surat dari Setia Usaha Persekutuan Bola Sepak Asia, Inche Koe Ewe Teik yang mengshahkan penerimaan Brunei sa-bagai anggota persekutuan tersebut.

• Perlawanan Piala Borneo akan di-adakan sa-lama tiga hari mulai 29 Ogos ini.

Brunei ada-lah pemenang Piala Borneo pada tahun lepas sa-telah mengalahkan pasokan Sabah dan Sarawak.

Tempat pemereksaan Kastam dan Imigresen

BANDAR BRUNEI. — Sa-buah tempat pemereksaan Kastam dan Imigresen dan perhentian penumpang2 telah di-adakan di-tambatan Di-Raja Bandar Brunei.

Tempat perhentian ini ia-lah untuk menurun dan menaik-kan penumpang2 di - Bandar Brunei.

Kapal2 yang di-benarkan menggunakan tambatan itu ia-lah kapal2 penumpang Bandar Brunei ka-Labuan, semua kapal2 yang membawa penumpang, dan moto2 sangkut yang pergi balek ka-Labuan, Limbang, Lawas, Temburong, Labu Estate dan semua stesen2 di-sungai serta semua moto2 sangkut dan perahu2 Jabatan Laut.

Jabatan Laut berkata perhentian ini ia-lah hanya untuk menurun atau menaikkan penumpang2 ka-kapal2 serta barang2 mereka dan barang2 muatan atau cargo tidak di-benarkan di-punggah di-situ.

Tambatan penumpang di-Subok, Jalan Residency, tidak lagi di-gunakan.



Gambar atas menunjukkan dua orang pegawai kerajaan yang telah berlepas ka-Singapura pada minggu lepas untuk memerhati Pesta Lumba Bernang di-republik itu.

Di-kiri ia-lah Pengiran Idriss bin Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Pengiran Haji Mohammad, sa-orang pegawai pentadbir di-Pejabat Daerah Brunei-Muara dan Awang Kuan Hwa Oong, Penguasa Kolam Bernang.

LATEHAN A.M.D.B. "RAJAH LANUN" BERJAYA

BANDAR BRUNEI. — Latehan Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei sa-lama tujuh hari, yang di-beri nama, Rajah Lanun, di-kawasan Daerah Brunei-Muara telah berakhir pada malam hari Rabu lepas.

Sa-orang juruchapak regiment itu berkata, latehan tersebut berjalan dengan baik dan berjaya.

Semasa di-jalankan latehan, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan, Dan Yang Di-Pertuan, dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan, selaku Colonel In-Chief pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei, telah berangkat melawat bilek gerakkan di-perkhemahan Berakas.

Sa-masa latehan itu di-jalankan Anggota2 Askar Melayu Di-Raja, yang berpakaian serba hitam bertindak sa-bagai musuh.

Peladang Luagan Dudok punyai kilang beras

TUTONG. — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Luagan Dudok akan mempunyai sa-buah kilang beras apabila pemasangan kilang itu di-Batu 22 Jalan Tutong Brunei siap dalam bulan Oktober ini.

Yang di-Pertua persatuan tersebut, Awang Ali bin Haji Mokti berkata pemasangan kilang beras itu kini di-jalankan dengan lancar.

Awang Ali berkata projek tersebut akan menelan belanja kira2 \$6,000.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Pembantu Jurutera Ayer

PERMOHONAN2 ada - lah di-pelawa daripada chalu2 yang berkelayakan untuk memenohi jawatan Pembantu Jurutera Ayer di-Jabatan Kerja Raya, Brunei.

Kelayakan2:

Mesti-lah lulus Bahagian I dan II peperiksaan Institute of Civil Engineers atau mempunyai ijazah atau diploma daripada Universiti atau Maktab yang membebaskan-nya daripada peperiksaan ini.

Pengalaman:

Sa-sudah mendapat kelu-

lusan tersebut chalu2 mesti-lah mempunyai sekurang2-nya dua tahun pengalaman (salain daripada lain2 pengalaman profesional) dalam kerja2 pembekalan ayer, sama ada "reticulation", rekabentuk dan pembezaan, atau gerakan dan pemeliharaan, yang berkaitan dengan pembekalan ayer awam. Berumur tidak kurang dari 26 tahun dan pengetahuan Bahasa Melayu merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji B, 2 EB 3 — \$1020 x 40 — 1620/EB/1670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan:

Sa - chara berkontrek sa-lama tiga tahun dan pembaharuan kontrek ada - lah dengan persetujuan bersama.

Baksis:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 5 September, 1969.

Sa-bagai Tukang Kayu Tingkat II

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat dan berkelayakan yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Tukang Kayu Tingkat II di-Jabatan Pelajaran, Brunei. Jawatan2 tersebut mempunyai empat kekosongan.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang daripada 25 tahun dan sekurang2-nya telah mempunyai 5 tahun pengalaman praktik sa-bagai sa-orang Tukang Kayu.
- Pemohon2 mesti-lah telah lulus Darjah V Sekolah Melayu atau yang sebanding dengan-nya, tetapi kelayakan persekolahan yang rendah sedikit akan di-terima bagi pegawai2 yang sudah lama berkhidmat dengan Kerajaan serta mempunyai bakti sa-bagai sa-orang tukang kayu yang berpengalaman.
- Pemohon2 mesti-lah boleh:
 - Merancang rangka dan mengadakan lukisan2 bagi kerja2 yang di-arahkan kepada mereka.
 - Mengerjakan lukisan2 yang sudah di-sediakan.
 - Menyediakan anggaran2 belanjawan bagi harga kayu-kayan, per-
- Memeriksa kenderaan2 dan kakas2 dan alat2 perlengkapan yang dikehendaki untuk perkara2 i) dan (ii) di-atas.

Gaji:

Dalam sukatan gaji F, 3 — \$200 x 5 — 220.

Permohonan2 mesti-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Ogos, 1969.

Pembantu Teknik Rendah

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa daripada chalu2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak di-daftarkan sa - bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 Pembantu Kechil Teknik Rendah di-Jabatan Ukur, Brunei. (8 jawatan kosong).

Kelayakan2:

- Umur tidak kurang daripada 18 tahun dan tidak lebih dari 25 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Darjah VII Sekolah Melayu atau Form I Inggeris dan Darjah IV Melayu.
- Pemohon2 mesti-lah mempunyai tulisan yang baik.
- Pemohon2 mesti-lah lulus Ilmu Hisab bahagian rendah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$200 x

10 — 270/EB/280 x — 330.

Permohonan2 daripada kakitangan2 Jabatan Ukur yang tidak mempunyai kelayakan2 yang diperlukan seperti di-atas, tetapi ada mempunyai pengalaman dalam bahagian ukur akan juga di-pertimbangkan.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantarkan melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 1 September, 1969.

SI-TUYU

oleh:m.salleh ibrahim



KERAJAAN SEDIA MENCHEGAH KEMASOKAN PAPAN2 DARI LUAR NEGERI —

**Asalkan pengeluaran papan2
tempatan sanggup mengadai
papan2 yang di-perlukan
oleh projek2 pembangunan**

BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Md. Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim berkata bahawa ada-lah dasar asas Kerajaan untuk mengasah dan memperkembangkan industri dan perusahaan2 di-negeri ini, khas-nya oleh anak negeri sendiri.

Beliau menegaskan, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia bersedia untuk memberi sebarang sumbangan yang boleh menghidupkan dan memewahkan lagi perusahaan anak negeri terutama yang bersumberkan bahan2 yang terdapat di-negeri ini.

Beliau berkata demikian, sajurus sa-belum merasmikan penubohan dan mashuarat jawatankuasa tadbir kali pertama Persatuan Kampong Kumbang Pasang dan Jalan Gadong (KUJAGA) yang berlangsung di-Dewan SMMP Pusat pada hari Jumaat lepas.

Yang Amat Mulia itu telah juga menyebut tentang perusahaan2 kayu kayan, khas-nya perusahaan2 yang mengeluarkan papan yang di-perlukan bagi ranchangan2 kemajuan Kerajaan dan awam.

"Ada-lah dasar Kerajaan untuk menjadikan negeri ini sa-bagai sa-buah negara yang mempunyai sumber2 yang cukup bagi memenuhi keperluan2 papan yang di-pentingkan oleh negeri ini sendiri", ujar beliau.

Beliau berkata, ada-lah adeal bagi segala jenis papan yang di-perlukan untuk perkembangan negara dapat di-adai oleh pihak2 yang menjalankan kilang papan di-negeri ini sendiri dengan tidak payah memasukkan papan2 dari luar negeri.

Yang Amat Mulia itu memberi jaminan bahawa Kerajaan bersedia untuk mencheгах kemasokan papan2 dari luar negeri jika benar2 terdapat kesanggupan yang berupa praktikal dari pihak2 pengeluar papan tempatan untuk memenuhi segala kepentingan dan keperluan papan untuk perkembangan negeri.

Dengan pencheгахan itu, kata-nya, kita hendak-lah dapat memastikan lebeh dahulu yang kita tidak akan

kesuntokan papan sama ada dari segi jenis-nya apalagi dari segi jumlah-nya.

Beliau menekankan lagi bahawa apabila berlaku pencheгахan itu nanti biar-lah terlebih dahulu dapat di-pastikan supaya tidak akan mengakibatkan sebarang kenaikan harga papan dan penurunan taraf papan yang di-perlukan itu.

Yang Amat Mulia itu mengingatkan bahawa sebarang kenaikan harga papan, penurunan taraf dan kesuntokan papan yang berjenis2 itu akan mengendalakan projek2 perkembangan sama ada yang di-kendali oleh Kerajaan sendiri mahupun oleh raayat yang akhir-nya akan menda-tangkan satu kesulitan kepada raayat negeri ini juga.

Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara berkata:



Y.D.M. Pehin Khatib Haji Awang Junid selaku wakil Penghulu2 dan Ketua2 Kampong sedang menyembahkan ucapan keshukoran puja usia D.Y.M.M. yang ke-23 tahun.

Majlis Keshukoran Puja Usia

(DARI MUKA 1)

itu telah menyampaikan titah ucapan Baginda bagi membalas sembah keshukoran dari penghulu2 dan ketua2 kampong itu. (Titah Baginda sapenoh-nya di-siarkan di-muka 4).

Untuk menyerikan lagi majlis itu, pasokan pancharam Askar Melayu Di-Raja Brunei di-bawah pimpinan Kaptan Morgan telah menyumbangkan permainan-nya dengan memperdengarkan beberapa buah lagu.

Majlis itu telah di-akhiri dengan bacaan do'a selamat



Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof ketika merasmikan penubohan KUJAGA dengan di-perhatikan oleh Yang Di-Pertua Persatuan tersebut, Che'gu Sabtu bin Mohammad.

"Dengan sebab itu-lah Kerajaan hanya bersedia untuk mencheгах kemasokan papan2 itu jika perkara2 kerumitan yang saya sebutkan itu tidak berlaku atau dapat di-buktikan tidak akan berlaku."

Beliau selanjut-nya menerangkan bahawa jika ini dapat di-jamin oleh pihak2 kilang papan tempatan, maka pencheгах kemasokan papan2 dari luar akan kita kena-

kan, tetapi jika sebalik-nya maka kebebasan pasaran akan terus di-buka seperti yang ada pada masa ini.

"Ini ada-lah demi untuk melichinkan perjalanan perkembangan negara yang mana pada akhir-nya ada-lah asas kapada kemakmoran raayat negeri ini", ujar beliau.

Yang Amat Mulia itu selanjut-nya menyeru raayat negeri ini supaya memikirkan bersama2 masaalah2 yang sedang di-hadapi dan menaikan tanggung-jawab masing2 demi kepentingan bersama.

"Tanpa usaha bersama, tanpa kejujuran dan kepatuhan pada tugas2, maka pembangunan kita tidak akan selesai sa-elok2-nya dan sa-bernas yang di-chita2kan", ujar beliau.

Mengalutkan penubohan KUJAGA, Yang Amat Mulia itu berharap supaya persatuan itu akan dapat mengorak langkah dan dapat bergiat dengan pesat-nya di-alam kebajikan demi kebaikan bersama.

Beliau perchaya, lahir-nya KUJAGA ada-lah berasaskan dasar2 dan konsep2 kebajikan demi mempertahankan keharmonian, ketenteraman dan kemakmoran negara yang sedang kita nikmati sekarang ini.

Turut juga memberikan ucapan di-majlis itu ia-lah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin selaku Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei dan Awang Sabtu bin Mohammad, Yang Di-Pertua Persatuan KUJAGA.

Di-Majlis itu juga, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara telah menerima chenderamata sa-bagai kenang2an perasmian penubohan dan mashuarat jawatankuasa tadbir persatuan tersebut.